

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan institusi 'Ombudsman' yang bebas dan berwibawa supaya orang awam ada saluran yang berkesan untuk membawa aduan untuk disiasat berkenaan salahguna kuasa, pengabaian, rasuah dan juga tindakan jenayah yang dilakukan oleh kakitangan Kerajaan

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ombudsman merupakan satu platform untuk orang awam menyalurkan aduan (*grievances*) terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam serta memastikan kerajaan berfungsi secara cekap dan berkesan (*effective and efficient*) ke arah demokrasi yang berakuntabiliti. Ombudsman adalah konsep menyeluruh yang diterima pakai dan diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh kebanyakan negara demokrasi. Lebih kurang 60 peratus daripada negara di dunia telah mempunyai institusi Ombudsman (115 daripada 195 negara).

## NO. SOALAN : 14

Usaha-usaha Kerajaan untuk menubuhkan Ombudsman bermula semenjak tahun 2018 di mana Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 21 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan sistem Ombudsman Malaysia dalam perkhidmatan awam. Seterusnya pada 19 Oktober 2018, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan keputusan JKKMAR tersebut dan pada 1 November 2019 Kerajaan telah bersetuju dengan penetapan dasar penubuhan Ombudsman Malaysia. Kini, Kerajaan komited ke arah memperkasakan Biro Pengaduan Awam (BPA) kepada Ombudsman Malaysia bagi pengurusan aduan awam.

BPA telah meneliti model dan undang-undang Ombudsman di 9 negara lain seperti United Kingdom, Sweden, Australia, New Zealand, Hong Kong, Filipina, Thailand, Gambia dan Namibia serta undang-undang institusi agensi Kerajaan Malaysia seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Jabatan Audit Negara. Dalam konteks ini, fungsi Ombudsman Malaysia yang sedang dikaji merangkumi khidmat nasihat (*advisory*), merancang (*planning*), memantau (*monitoring*), menilai (*evaluation*), mengemukakan syor-syor (*recommendation*) dan melapor (*reporting*). Fungsi-fungsi tersebut akan diberi perhatian dan kuasa dalam akta yang dicadangkan.

Dalam hal ini, pihak GIACC telah mengadakan sesi bengkel pemurnian draf Rang Undang-Undang Ombudsman (RUU Ombudsman) bersama wakil dari BPA, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Pejabat Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bagi meneliti peruntukan RUU Ombudsman. Dasar berkenaan Ombudsman telah dimuktamadkan dan draf RUU telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tujuan semakan dan kelulusan sebelum dibentangkan di Parlimen kelak.

Sekian, terima kasih.